

jurnal intelek

JULAI - DISEMBER 2003 • Bil. 1



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
PERLIS

JURNAL INTELEK 2003

(Edisi 1 • Julai - Disember)

Diterbitkan Oleh :

**Universiti Teknologi Mara
Cawangan Perlis
Kampus Arau
02000 Arau, Perlis.**

- © Hakcipta Terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluar mana-mana bahagian, artikel, Illustrasi, isi kandungan prosiding ini dalam apa-apa juga bentuk dan dengan apa cara pun samada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau lain-lain sebelum mendapat kebenaran bertulis daripada penerbit

JURNAL INTELEK • 2003

Bil. 1 • Julai - Disember 2003

A) KERTAS KONSEP

mukasurat

- | | |
|---|----|
| i) Pengenalan Kepada Pembelajaran Kooperatif.
- <i>Azizah Mat Isa, Sarina Muhamad Nor, Sharipah Isa</i> | 1 |
| ii) Sistem Pengurusan Kualiti ISO 9000 : Satu Tinjauan Awal.
- <i>Azizan Kassim</i> | 8 |
| iii) Konsep Pendidikan Islam.
- <i>Ahmad Sabri Osman</i> | 22 |
| iv) Falsafah Ekonomi Islam : Satu Pengenalan.
- <i>Basri Abd Ghani</i> | 39 |
| v) Pengaruh Nilai Guru Di Dalam Pelaksanaan Pengetahuan
Isi Kandungan Pedagogi Di Bilik Darjah.
- <i>Naginder Kaur a/p Surjit Singh</i> | 46 |

B) JURNAL PENYELIDIKAN

- | | |
|---|----|
| i) Pemodelan Teori Kabur Dalam Penilaian Prestasi
Kakitangan Akademik, UiTM Kampus Arau.
- <i>Mahmood Othman, Nadzri Mohamad</i> | 54 |
| ii) An Empirical Study Of Input Methods Deployed
During Treatment Session In A Clinical System.
- <i>Fakhrul Hazman Yusof, Norlis Othman, Abidah Hj. Mat Taib</i> | 65 |
| iii) Tracing Malay Learners' Variations In Learning Strategies.
<i>Mohamad Fadhlly Yahaya</i> | 74 |
| iv) Penentuan Paras Fosfat Terlarut (PO ₄ –P)
Di Tasik Timah Tasoh, Perlis.
- <i>Hasnun Nita Hj. Ismail</i> | 86 |


JURNAL INTELEK • 2003

Bil. 1 • Julai - Disember 2003

B) JURNAL PENYELIDIKAN

mukasurat

- | | | |
|-------|--|-----|
| v) | A Study On Electroplating.
- <i>Saidatulakmar Shamsuddin</i> | 94 |
| vi) | "RIM" Classification For Prediction Of SinkholeTragedy In Limestone Areas.
- <i>Roslan Zainal Abidin, Damanhuri Jamalludin, Mohd Fadzil Arshad, Mukhlis Noordin</i> | 104 |
| vii) | Penghasilan Suatu Sistem Pencerap Suhu Berautomasi.
- <i>Hamidi A. Hamid, Nor Arzami Othman, Mahadzir Hj. Din</i> | 113 |
| viii) | A Preliminary Study of the Water Quality Status along Sungai Mada, Kodiang, Kedah to the Sungai Baru estuary, Perlis.
- <i>Faridah Hanum Hj. Badrun, Zailuddin Ariffin, Baharuddin Salleh</i> | 122 |
| ix) | Rangsangan Pembelajaran Terhadap Prestasi Akademik Pelajar Di UiTM Kampus Arau.
- <i>Hamidah Jaafar Sidek</i> | 127 |
| x) | A Marketing Survey And A Perception Study Of Customers' Acceptance And Interest On Vehicle Tracking System (VTS) In Klang Valley.
- <i>Shamshul Anaz Kassim</i> | 142 |
| xi) | Kesan Pemakanan Terhadap Tumbesaran Dan Pengeluaran Telur ayam Katik, <i>Gallus sp.</i>
- <i>Mohd Azlan Mohd Ishak, Said Hamid, Baharuddin Salleh, Abd. Rahman Sabot</i> | 158 |
| xii) | A Case Study On The Performance Of Bachelor Of Accountancy (Hons) Students Of UiTM Kampus Arau.
- <i>Normah Ahmad, Roselina Amirulddin, Wan Madihah Wan Zakiuddin, Azura Mohd Noor</i> | 164 |
| xiii) | Lampiran – Prosiding Jurnal Intelek | 170 |



Kata-Kata Aluan
**PENGARAH KAMPUS
UITM PERLIS**

Syukur ke hadrat Allah S.W.T. kerana UiTM Perlis telah berjaya menerbitkan Jurnal Intelek yang merupakan dokumentasi hasil kerja-kerja penyelidikan yang telah dijalankan di kampus ini. Tidak syak lagi berdasarkan penulisan yang dihasilkan, UiTM Perlis mampu menjalankan banyak kerja-kerja penyelidikan untuk manfaat bersama.

Penerbitan jurnal ini juga diharapkan dapat menyemarakkan lagi budaya penyelidikan dan penulisan di kalangan kakitangan akademik UiTM Perlis.


Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada pensyarah-pensyarah yang menyumbangkan penulisan untuk jurnal ini.

Saya juga ingin merakamkan penghargaan kepada Unit Penyelidikan dan Perundingan UiTM Perlis di atas daya usaha menerbitkan jurnal ini. Semoga jurnal ini akan menjadi sumber rujukan sesuai dengan peranan UiTM Perlis sebagai pusat ilmu di utara semenanjung ini.

Sekian, terima kasih.

A handwritten signature in black ink, appearing to read "Ahmad Redzuan".

PROF MADYA DR. AHMAD REDZUAN ABD RAHMAN
Pengarah Kampus
UiTM Perlis



Kata-Kata Aluan

KETUA UNIT PENYELIDIKAN DAN PERUNDINGAN (UPP) UiTM PERLIS

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan limpah kurnia-Nya dapatlah saya mencatatkan sepathah dua kata di dalam Jurnal Intelek, UiTM Perlis.

Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada Pengarah Kampus UiTM Perlis iaitu Prof. Madya Dr. Ahmad Redzuan Abd Rahman, para pengurusan kanan, AJK-AJK UPP terutamanya para AJK Unit Penulisan dan Penerbitan kerana dengan inisiatif yang tidak berbelah bahagi, maka UPP dapat menghasilkan Jurnal Intelek yang dinanti-nantikan.

Justeru, dengan adanya kelahiran Jurnal Intelek ini hatta para pensyarah dapat sama-sama berkongsi idea dan maklumat bagi menyemarakkan lagi budaya ilmu, perundingan, penyelidikan, penulisan dan seminar.

Maka dengan adanya Jurnal Intelek ini akan dapat membekal, menyediakan pengetahuan, kemahiran, nilai dan sikap yang sesuai dengan kehendak perkembangan dunia ICT dan negara.

Akhir kata, saya berharap para pensyarah dapat menyemai idea-idea yang bernalas dan berguna untuk membimbing masyarakat dan pembangunan negara.

Sekian. Salam hormat.

A handwritten signature in black ink, appearing to read "Mahadzir". It is written in a cursive style with a long horizontal stroke at the bottom.

PROF. MADYA DR. MAHADZIR HJ. DIN
Ketua Unit Penyelidikan & Perundingan
UiTM Perlis

**UNIT PENYELIDIKAN DAN PERUNDINGAN (UPP)
UiTM PERLIS**

SIDANG REDAKSI BIL 1/2003

Penaung

Prof. Madya Dr. Ahmad Redzuan Abd Rahman
- Pengarah Kampus, UiTM Perlis

Ketua Unit Penulisan dan Penerbitan (UPP)

Prof. Madya Dr. Mahadzir Hj. Din

AJK Unit Penulisan dan Penerbitan (UPP)

Fakhrul Hazman Yusof (Ketua)
Shamshul Anaz Kassim
Fazmawati Zakaria
Zahrullaili Ahmad Zakaria

Penyunting

Fakhrul Hazman Yusof
Shamshul Anaz Kassim
Fazmawati Zakaria

Penolong Penyunting

Hilwani Hariri
Jasmani Bidin
Muhamad Abd Razak
Nor Arzami Othman
Rudzah Lebai Talib
Sarina Muhamad Noor
Yazid Mohd Esa
Azizan Kassim

*UNIT PENYELIDIKAN DAN PERUNDINGAN (UPP)
UITM PERLIS*

JAWATANKUASA INDUK UPP BIL 1/2003

Prof. Madya Dr. Ahmad Redzuan Abd. Rahman (Pengarah Kampus)
Prof. Madya Dr. Mahadzir Hj. Din (Ketua UPP)
Prof. Madya Dr. Qamaruzaman Hj. Wan Yusof (TP HEA)
Prof. Madya Dr. Hamidi Abd. Hamid (TP HEP)
Prof Madya Alias Ramli
Prof. Madya Dr. Mat Saad Abdullah

AHLI JAWATANKUASA UPP BIL 1/2003

Ust. Abd Aziz Harjin
Azizan Kassim
Bahijah Md Hashim
Fakhrul Hazaman Yusof
Fazmawati Zakaria
Hilwani Hariri
Jasmani Bidin
Khairul Anuar Sedek
Muhamad Abd Razak
Nordin Muhamad
Nor Arzami Othman
Rudzah Lebai Talib
Sarina Muhamad Noor
Shamshul Anaz Kassim
Shahrizal Hasan
Yazid Mohd Esa
Zailuddin Ariffin
Hjh. Azmahton Dato' Hj. Seroji

**KERTAS
KONSEP**

PENGARUH NILAI GURU DI DALAM PELAKSANAAN PENGETAHUAN ISI KANDUNGAN PEDAGOGI DI BILIK DARJAH

Naginder Kaur a/p Surjit Singh
Jabatan Bahasa
UiTM Kampus Arau

e-mail: ninder@perlis.uitm.edu.my

ABSTRAK

Artikel ini mengupas isu nilai-nilai yang dibawa bersama oleh guru di dalam pelaksanaan pengetahuan isi kandungan pedagogi di dalam bilik darjah. Nilai-nilai yang merangkumi nilai moral, rohani, gaya pengajaran serta tingkah laku guru tersalur secara tersurat dan tersirat melalui kurikulum yang nyata dan juga melalui kurikulum yang tersembunyi, lantaran mempunyai kesan berpanjangan ke atas pelajar-pelajar. Adalah disarankan bahawa institusi-institusi pendidikan guru mengorak langkah untuk memberi kesedaran kepada guru pelatih akan kepentingan soal nilai di dalam tingkah laku mereka di dalam bilik darjah. Ini boleh dilakukan melalui kajian kes, amalan reflection-in-action, pendidikan pelbagai budaya, pembelajaran bersama serta kursus-kursus dalam perkhidmatan.

PENGENALAN

Seorang guru memikul tanggung jawab mendidik anak murid dan terpaksa memenuhi cita rasa rangkaian pelanggannya yang pelbagai, iaitu pelajar, ibu bapa, institusi pendidikan serta masyarakat. Dalam melaksanakan kehendak kurikulum, seorang guru perlu menggabungkan *knowledge* untuk mencapai pengetahuan isi kandungan pedagogi (*pedagogical content knowledge*). Sama ada disedari mahupun tidak, nilai-nilai seorang guru tidak dapat dipisahkan dari amalannya di bilik darjah. Nilai-nilai ini bukan sahaja disemai melalui kurikulum yang nyata, malah juga tersalur melalui kurikulum tersembunyi atau *hidden curriculum*. Nilai-nilai yang dimaksudkan termasuk nilai-nilai moral serta rohani yang menjadi pegangan dan landas tingkah laku seseorang guru di dalam bilik darjah.

SOAL NILAI DALAM ISI KANDUNGAN PEDAGOGI

Unsur *Pedagogical Content Knowledge* ditekankan oleh Shulman (1987) dalam usaha memartabatkan profesionalisme perguruan untuk melahirkan guru yang berkesan (*effective teacher*). Unsur ini adalah gabung jalin di antara *content knowledge* dan *pedagogical knowledge*. Shulman (1987) juga memberi ‘formula’ untuk melakukan perubahan di dalam pengajaran (*teaching reform*), melalui *Model of Pedagogical Reasoning* yang mempunyai beberapa peringkat, iaitu *Comprehension, Transformation, Instruction, Evaluation, Reflection* dan *New Comprehensions*. Model ini, walaupun agak komprehensif, namun tidak memberi penekanan terhadap soal nilai dan sikap secara khusus. Personaliti guru yang menjadi penyampai nilai-nilai ini agak diketepikan oleh model ini. Shulman hanya menerima pengaruh nilai dan sikap seseorang guru dalam *content knowledge* yang menjadi sebahagian dari *knowledge base*. Menurutnya,

The teacher also communicates, whether consciously or not, ideas about the ways in which “truth” is determined in a field and a set of attitudes and values that markedly influence student understanding. (m.s.9)

Pandangan Shulman ini disangkal oleh Sockett (1987) dan Gudmundsdottir (1990) kerana dalam penstrukturkan *pedagogical content knowledge* seseorang guru, **nilai-nilai** peribadi guru dan orientasi nilai guru memainkan peranan penting yang tidak boleh dipisahkan. Menurut Gudmundsdottir (1990),

Although it seems logical in theoretical considerations to separate values and pedagogical content knowledge, in reality these two are closely integrated. (m.s.45)

Beliau mengutarakan empat pengaruh utama orientasi nilai guru di dalam isi kandungan mata pelajaran iaitu melalui pemilihan isi kandungan yang diajar, penggunaan buku teks, strategi pedagogi dan persepsi mengenai keperluan pembelajaran murid. Pengaruh nilai dapat menyerap di dalam pengajaran dan pembelajaran bilik darjah melalui apa yang terkandung di dalam buku teks serta melalui pertuturan guru. Dalam pada itu juga, guru tidak perlu mengajar '*moral*' dan etika secara berasingan kerana ianya sudah terjalin (*embedded*) di dalam *pedagogical content knowledge* mereka. Nilai-nilai moral adalah merentas kurikulum dan terkandung di dalam kurikulum yang tersurat dan tersirat serta penstrukturkan *pedagogical content knowledge* setiap guru.

Walaupun timbul kesedaran bahawa nilai-nilai guru menjadi teras atau intipati sesuatu proses pengajaran dan pembelajaran, namun aspek nilai ini sering diketepikan oleh para pengkaji dan penyelidik pendidikan kerana ianya bersifat subjektif dan "*slippery*." Dalam kebanyakan penyelidikan pendidikan, satu aspek penting berkaitan nilai yang sering diabaikan ialah persepsi / fahaman guru terhadap mata pelajaran yang diajarnya. Soalnya, bolehkah kita, para pendidik juga turut mengasingkan aspek nilai dalam pembelajaran di dalam kelas-kelas kita? Pada hemat saya, semestinya tidak. Pengajaran adalah dipengaruhi nilai yang tersurat dan tersirat melalui penilaian, timbang tara serta pilihan yang dilaksanakan, kesemuanya saluran nilai-nilai guru. Perbincangan berikut tertumpu kepada cara dan vektor penyebar nilai-nilai guru di dalam bilik darjah.

Isi Kandungan Mata Pelajaran

Isi kandungan mata pelajaran adalah penting bagi seorang guru dan bagi kebanyakan guru, ia mungkin merupakan sebab pokok mereka memilih profesion perguruan dan disiplin yang khusus. Kerja mengajar dianggap sebagai satu cara untuk terus menceburkan diri di dalam sesuatu subjek yang berjaya memikat hati dan minat mereka. Namun, adalah mustahil bagi mereka mengetahui segala kandungan di dalam sesuatu disiplin, lantas pengkhususan di dalam sesuatu aspek di dalam disiplin tersebut. Ini bermakna mereka belajar dengan lebih mendalam beberapa struktur substantif dan sintaktik di dalam disiplin itu yang merupakan organisasi-organisasi pengetahuan yang dipenuhi dengan nilai-nilai. Pengkhususan ini menghasilkan berbagai orientasi nilai kepada isi kandungan subjek. Orientasi nilai kepada isi kandungan subjek adalah paling penting apabila guru-guru menstrukturkan semula pengetahuan isi kandungan untuk menghasilkan pengetahuan isi kandungan pedagogi mereka.

Metodologi Pengajaran

Metodologi pengajaran juga memainkan peranan yang besar. **Cara** seseorang guru menyosyal murid, **cara** dia bertindak balas terhadap soalan, **cara** dia memberikan penjelasan, pemilihan kata-kata di dalam bahasa serta *body language* dapat menyampaikan banyak lagi pengetahuan yang tidak terkandung di dalam buku teks atau isi kandungan pelajaran. Ilmu pengetahuan dan penguasaan isi kandungan kursus (*subject matter*) bukan merupakan petunjuk kejayaan seseorang guru yang berkesan kerana sikap (*disposition*) terhadap mata pelajaran itu menentukan jenis nilai yang dipegang oleh guru dan memainkan peranan dalam pemilihan topik untuk diajar, pemilihan alat bantu mengajar dan lain-lain. Perancangan dan pemilihan aktiviti yang berstruktur dan terancang seperti pembelajaran koperatif, projek berkumpulan

dan sebagainya boleh menyemai nilai bekerjasama, toleransi, kepimpinan serta rasa tanggungjawab di kalangan murid walaupun ianya tidak dipertuturkan dengan jelas oleh guru. Pendekatan dan strategi pengajaran dapat menanam nilai yang dihajatkan guru.

Proses Evolusi Perguruan

Dalam menempuh perjalanan kariernya, seseorang guru bermula sebagai seorang *novice* dan mengalami suatu proses evolusi, sehingga mencapai tahap guru cemerlang, seperti yang diidamkan. Melalui pengalamannya, dia membentuk satu model pedagogi isi kandungan mata pelajaran masing-masing di mana "*epistemology, ethics, and pedagogy converge in content*" (Buchmann, 1984, m.s.45). Model pengajaran tersendiri seseorang guru tersebut merupakan bahagian yang terpenting dalam pengetahuan isi kandungan pedagogi guru itu dan mempengaruhi segala aspek pengajarannya. Model ini adalah "*homemade*", yang dipertingkatkan dan diperkembangkan dari tahun ke tahun. Ia mempunyai pengertian yang berbeza di kalangan individu yang berlainan kerana ia mewakili nilai-nilai setiap orang guru secara unik dan tersendiri.

Selain daripada nilai-nilai, pengalaman guru juga mempengaruhi penstruktur semula pengetahuan isi kandungan dan pengetahuan pedagogi dengan mempertimbangkan ciri-ciri pelajar, bilik darjah dan kurikulum untuk menghasilkan pengetahuan isi kandungan pedagogi yang praktikal dan jitu. Ini menjelaskan mengapa nilai-nilai guru baru kurang mempengaruhi penstruktur semula pengetahuan isi kandungan dan pengetahuan pedagogi yang mencirikan guru-guru cemerlang yang berpengalaman. Ini kerana guru-guru baru tidak berpeluang untuk melaraskan dengan lebih halus hubungan di antara orientasi nilai-nilai dengan strategi-strategi pedagogi mereka yang sah. Maka, dakwaan McEwan dan Bull (1991) bahawa tidak ada perbezaan di antara pengetahuan isi kandungan di antara guru dan cendekiawan, iaitu tidak wujud pengetahuan isi kandungan pedagogi yang hanya dimiliki oleh guru adalah kurang tepat. Pengetahuan isi kandungan pedagogi tidak dapat diajar kepada seseorang individu. Ia harus diperolehi oleh guru itu sendiri selepas melakukan refleksi ke atas pengajarannya.

Pengalaman Latar, Persekutaran dan Pembudayaan

Orientasi guru dalam mendidik anak muridnya, walaupun menggunakan isi kandungan yang sama, jelas mempengaruhi tingkah laku guru. Pengalaman latar, persekitaran dan pembudayaan yang dilalui oleh guru akan memutuskan orientasi guru dalam pendekatannya. Nilai-nilai guru terjalin di dalam budayanya yang dipelajari secara gradual melalui interaksi dengan manusia dan institusi kebudayaan. Sebagai contoh, di dalam pembelajaran sastera atau penghayatan teks kesusteraan, sesuatu aspek yang sama boleh didekati dengan perasaan harmonis atau secara berkonflik, bergantung kepada cara pengajaran dan nilai yang diperturunkan oleh guru. Mengikut *Reader Response Theory* yang kini banyak didokong dan diperaktikkan, sesuatu teks *literary* yang dibaca harus diinterpretasi mengikut pandangan pembaca dan bukannya mengikut apa yang ingin disampaikan oleh penulis. iaitu bertentangan dengan apa yang terkandung di dalam *Personal Response Theory*. Oleh yang demikian, pengaruh nilai guru semakin menular dalam pembelajaran sesuatu teks kerana guru boleh mempengaruhi murid untuk menghayati teks mengikut pandangan yang diinginkannya. Melalui diskusi dan tugas, guru boleh mewujudkan 'teks' yang tidak tercetak di dalam minda pelajar-pelajarnya.

Jika seseorang telah mengalami pengalaman yang pahit di zaman silamnya, nescaya pandangan terhadap persekitarannya (*worldview*) adalah malap. Ini akan terbawa-bawa dalam nilainya, sama ada disedari mahupun tidak. Orientasi sebegini adalah susah diubah kerana "*values remain because they have penetrated the core of one's definition of oneself*" (McKinney, 1980, m.s 204). Guru yang lebih pragmatik dan progresif pula akan mencerminkan pandangan yang lebih positif dan menggalak di dalam suasana bilik darjhannya.

Pepatah Cina yang menyatakan bahawa adalah lebih mudah untuk menggerakkan gunung dari mengubah pandangan dan fikiran seseorang individu adalah tepat kerana, kadang-kadang seseorang guru mungkin akan mengajar dengan cara yang ia pernah belajar di sekolah (pengalaman latar) dan bukan mengikut latihan perguruan yang diaikutinya. Bilik darjah pula merupakan tempat guru mempraktikkan kuasa autonominya dan mempunyai hak dan pengaruh penuh terhadap pembelajaran anak muridnya. Pengaruh "suara" guru memang tidak boleh dipandang ringan kerana ia berupaya mempengaruhi dan mengubah fikiran pelajar-pelajarnya.

Konteks Pengajaran Guru

Satu lagi faktor penentu nilai-nilai guru ialah konteks pengajaran guru di dalam bilik darjah, yang nyata mempengaruhi personaliti guru, *temperament*, gaya pengajaran, kemahiran pengajaran dan perlakuan guru secara amnya. Sockett (1987) juga mengkritik strategi Shulman (1987) yang idealistik kerana mengabaikan isu konteks pembelajaran dan pengaruh persekitaran (*environment*). Walaupun kurikulum yang dipraktikkan adalah sama, namun, apa yang berlaku di dalam sesuatu bilik darjah adalah hanya diketahui oleh guru dan muridnya. Tindak balas dan reaksi guru amat dipengaruhi oleh konteks pembelajaran dan menentukan cara ilmu pengetahuan disampaikan berdasarkan nilai dan sikap seseorang guru sama ada terhadap muridnya, sekolah dan pentadbiran sekolah mahupun masyarakat persekitarannya. Guru mempunyai rangkaian *clientele* yang amat besar yang terpaksa dipuaskan. Oleh itu, konteks dan persekitaran ini boleh mempengaruhi nilai dan sikap guru dalam menyampaikan ilmu pengetahuannya.

Proses mengajar memang kompleks kerana unsur-unsur yang unik, berubah-ubah dan tidak menentu adalah pelajar-pelajar yang belajar secara individu atau kumpulan di dalam konteks dan iklim sosial yang banyak berubah. Di dalam konteks pengajaran guru, pertimbangan-pertimbangan praktikal guru yang disebut pertimbangan kontekstual atau *contextual judgement* (Sockett, 1987, m.s. 211) nyata mempengaruhi tingkah laku guru.

Kurikulum Tersembunyi

Dalam pada itu juga, boleh kita tafsirkan betapa pentingnya peranan dan dimensi guru dalam menentukan kurikulum sebenar yang dipelajari oleh murid-muridnya kerana soal sikap, prejudis dan *bias* yang dipertunjukkan oleh guru dapat menembusi hati sanubari pelajar lebih jauh dari yang disedari. Keadaan ini amat ketara di dalam persekitaran pembelajaran yang terdiri dari golongan berbagai etnik dan kebudayaan (*multicultural educational setting*). Adelman (1993) menegaskan bahawa:

The teacher cannot be neutral in beliefs and judgments and these in turn are based on those of the wider society. (m.s.105)

Guru yang bertindak tegas dan menunjukkan komitmen serta rajin akan menyalurkan sikap sedemikian di dalam tingkah laku muridnya kerana murid terpaksa akur dan bertindak secara *reciprocal*. Tingkah laku dan nilai ini akan menjadi ikutan dan murid akan mula menyanjung dan mengikut (*emulate*) tingkah laku positifnya ekoran rasa segan terhadap guru, walaupun tidak diarah secara jelas oleh guru tersebut.

IMPLIKASI TERHADAP PENDIDIKAN GURU DI MALAYSIA

Nilai-nilai di dalam *pedagogical content knowledge* guru sememangnya mempunyai berbagai implikasi tehadap pendidikan guru di Malaysia. Jika kita lihat sistem pendidikan di negara kita, ianya lebih berorientasikan peperiksaan di mana fokus utama pengajaran guru ialah isi kandungan (*content*). Institusi pendidikan guru perlu melakukan "*polyfocal conspectus*".

(Schwab, 1978, m.s.342), iaitu menyedarkan (*sensitise*) bakal guru mengenai kepentingan pengaruh nilai di dalam pengajaran guru serta memberi pendedahan kepada sesuatu isu itu dari berbagai orientasi nilai agar satu gambaran yang holistic dapat diperolehi. Ini dapat membolehkan bakal guru menghargai pelbagai interpretasi yang mungkin ke atas isi kandungan subjek serta menilai kekuatan serta kelemahan perspektif nilai tersendiri, seperti yang disarankan oleh Britzman (1986):

Teacher education's conception of knowledge can promote a view of the teacher as either technician or intellectual, and the extent to which values are rendered explicit can either inhibit or encourage a more critical pedagogy. (m.s. 443-4)

Para pendidik guru perlu membantu bakal guru mengenal pasti orientasi-orientasi nilai guru kepada isi kandungan mata pelajaran yang mempengaruhi perkembangan pengetahuan isi kandungan pedagogi. Usaha ini boleh dilakukan melalui berbagai aktiviti di peringkat latihan dan juga semasa perkhidmatan perguruan.

Kajian Kes

Kajiankes tentang guru-guru berpengalaman yang cemerlang atau perbandingan di antara guru-guru efektif dan kurang efektif boleh menyumbang kepada kefahaman tentang peranan nilai-nilai pengetahuan isi kandungan pedagogi. Kajian-kajian kes tentang perkembangan orientasi nilai bakal guru boleh memberi pengertian kepada para pendidik guru tentang proses-proses yang menyumbang kepada perkembangan orientasi nilai yang menyebabkan pengajaran efektif. Kajian-kajian tersebut haruslah mengambil kira konteks pengajaran guru di mana pertimbangan-pertimbangan praktikal dilakukan oleh guru. Pertimbangan praktikal ini perlu dilengkapkan dengan amalan *reflection-in-action* bersama bimbingan pakar, seperti guru berpengalaman, mentor dan pendidik guru.

Pembelajaran Bersama

Pendidikan guru bukan sahaja perlu tertumpu kepada apa yang patut diajar tetapi juga pendekatan yang harus diketengahkan , dengan mengambil kira soal nilai guru. Selain dari itu, *collaborative learning* juga boleh dilaksanakan di peringkat pendidikan guru. Ini adalah penting di dalam konteks negara kita yang terdiri dari berbilang kaum, budaya dan agama. Pelatih boleh diberi kerja kursus yang berstruktur yang memerlukan mereka menganalisa sesuatu isu dari berbagai dimensi dan membandingkan pandangan dan nilai di kalangan mereka. Seperti kata Comeaux (1991),

Assignments can be structured such that students are asked to examine their beliefs in relation to educational practice and to examine each other's conceptions of teaching, learning and education, as well as the grounds for those conceptions. (m.s. 155)

Beliau berpendapat bahawa *collaborative learning* di peringkat pendidikan guru juga boleh melahirkan situasi di mana para pelatih dapat mendengar pandangan lain dengan teliti, membangkang, atau memikirkan interpretasi alternatif untuk isu yang sama dan pada masa yang sama, dapat menerima kesilapan dalam cara penilaian dan logik yang dikemukakan. Jika guru diberi pendedahan begini dari awal lagi, ia boleh diperaktikkan di dalam profesionalnya di tahun-tahun mendatang melalui aktiviti seperti *peer interaction* kerana dia berupaya menilai sesuatu masalah secara objektif dan menyeluruh, dari pelbagai orientasi dan tidak hanya dikongkong oleh nilai-nilainya yang tersendiri.

Pendidikan Pelbagai Budaya

Pendidikan pelbagai budaya (*multicultural education*) juga harus ditekan dalam konteks pendidikan guru dan di semua institusi pengajaran kerana guru dan setiap individu dalam kelas mungkin terdiri dari latar ugama, kaum, taraf hidup sosial dan proses pembudayaan yang berbeza, maka orientasi nilai yang berbeza. Guru harus disemaikan dengan kesedaran mengenai situasi “*Salad Bowl*” atau *unity in diversity* di negara kita di mana terdapat kepelbagaian kebudayaan dan orientasi nilai yang berbeza di kalangan masyarakat berbilang kaum dan ugama. Kesedaran demikian membolehkan guru bersikap lebih sensitif terhadap persekitarannya dan menjadi pendidik yang lebih berkesan, dengan mengambil kira nilai dan keperluan pelajar. Proses pendidikan di negara ini tidak boleh berlatarkan *Melting Pot Theory* (yang gagal diamalkan di Barat) kerana ia memandang sepi terhadap ide kepelbagaian yang berkekalan.

Amalan Refleksi

Amalan *reason-in-action* perlu diperkuuhkan di mana *reason* dan *action* bertembung di dalam amalan pengajaran guru di dalam konteks yang tidak tetap, kompleks, berubah-ubah, berkonflik dan tidak menentu, iaitu bilik darjah (Sockett, 1987, m.s. 215). Oleh sebab situasi bilik darjah adalah bermasalah, maka guru-guru mesti melakukan *reflection-in-action*, iaitu ketrampilan ahli-ahli profesional yang paling penting dalam menghadapi situasi-situasi yang tidak menentu, unik atau berkonflik (Schon, 1987, m.s. 35). Ini bermakna sebagai pengamal reflektif, guru-guru harus melihat bilik darjah sebagai tempat di mana masalah perlu ditetapkan daripada fenomena yang mereka pernah temui, bukannya sebagai tempat di mana masalah-masalah diselesaikan mengikut perspektif *technical rationality*. Latihan perguruan perlu mendedahkan pelatih kepada situasi sebenar yang bukan hanya terbatas kepada isu dan masalah teknikal (*technical rationality*) yang merupakan amalan sains gunaan tetapi memerlukan analisa sebenar melalui *reflection-in-action*.

Guru mesti sedar akan kesan pengajarannya terhadap murid dan sejauh mana nilai-nilainya telah menular dan apa pula tindakan yang harus diambil. Profesional perguruan juga harus bercorak *praxis*, iaitu *reflection in practice*, di mana guru dapat membuat *self-evaluation*. Kebiasaan *reflection* ini harus dimulakan di peringkat latihan, supaya ia dapat menjadi rutin dalam perjawatan kelak. Schon (1987) mencadangkan agar *reflection* in dibuat bersama seorang pembimbing, iaitu ‘master’. Ianya boleh menjadi pensyarah, guru kelas sebenar semasa latihan mengajar dan lain-lain. Bullough Jr. & Gitlin (1991) juga menekankan pentingnya refleksi secara kritis kerana:

Teachers have the potential to recognize and then confront unquestioned teaching roles, internalized values and the structures and power relations which foster narrow and oppressive school relations. (m.s. 39)

Kursus Dalam Perkhidmatan

Kursus dalaman seperti *inservice activities* juga boleh menguntungkan guru-guru yang mungkin sudah terpaku dengan cara pengajaran mereka yang tidak pernah berubah. Ormrod dan Cole (1996) berpendapat bahawa aktiviti sebegini lebih berkesan untuk mengubah amalan di bilik darjah kerana sesi sebegini dikendalikan oleh guru yang dapat berkongsi pengalaman, menunjukkan strategi pengajaran yang berkesan dan dapat memberikan *feedback* dan tunjuk ajar kepada para peserta lain. Melalui perkongsian atau *share sessions* sebegini, guru-guru harus diberi kesedaran mengenai *pedagogical content knowledge* dan pengaruh nilai dalam pendekatan pengajaran mereka dengan lebih kritis.

PENUTUP

Falsafah proses pendidikan sebenarnya ialah untuk melihat perubahan dalam tingkah laku. Seseorang pelajar yang melalui persekolahan berbelas tahun bukan sahaja mendapat ilmu pengetahuan, malah dikatakan telah terdidik sepenuhnya apabila terdapat perubahan di dalam tingkah lakunya. Tingkah laku ini berubah hasil dari ilmu pengetahuan yang diperolehi yang mengubah pemikiran dan gaya hidup dan yang separuhnya pula melalui pengaruh guru melalui "*hidden curriculum*".

Perbincangan di atas menunjukkan bahawa nilai guru tidak boleh dipandang sepi di dalam proses pembelajaran. Personaliti guru, nilai dan sikap menjadi landas yang amat penting yang perlu dipertimbangkan. Adalah perlu untuk guru membuat pertimbangan nilai-nilainya. Pertimbangan dan tindakan susulan yang wajar adalah amat penting untuk meningkatkan martabat profesion perguruan seperti yang pernah diperkatakan oleh ahli sains terkemuka, Albert Einstein:

It is essential that the students or teacher acquires an understanding of and a feeling for **values**. He / She must acquire a vivid sense of the beautiful and morally good; Otherwise he / she, with specialised knowledge more closely resembles a well-trained **DOG** (Deteriorating Undergirder of Our Society) than a harmoniously developed person.

Hujah Einstein ini nyata selari dengan Falsafah Pendidikan Negara kita yang bertujuan untuk melahirkan individu yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, jasmani, emosi, dan rohani. Persoalannya, dari manakah bermulanya kewujudan insan yang harmonis dan seimbang? Dari anda – seorang **guru**.

Rujukan

- Adelman, C. (1993). Access to teacher training and employment. In Verma, G. K. (Ed.), Inequality and teacher education. London: The Falmer Press.
- Britzman, D.P. (1986). Cultural myths in the making of a teacher: Biography and social structure in teacher education. Harvard educational review, 56(4).
- Buchmann, M. (184). The priority of knowledge and understanding in teaching. In L.G. Katz & J.D. Raths (Eds.), Advances in teacher education (Vol.1 pp29-50). No. wood, NJ: Ablex.
- Bullough, R.V. Jr., & Gitlin, A.D. (1991). Educative Communities and the development of the reflective practitioner. In Tabachnick, B.R. & Zeichner, K.M. (Eds.), Issues and practices in inquiry-oriented teacher education. London: The Falmer Press.
- Comeaux, M. (1991). But is it teaching? The use of collaborative learning in teacher education. In Tabachnick, B.R. & Zeichner, K.M. (Eds.), Issues and practices in inquiry-oriented teacher education. London : The Falmer Press.
- Gudmundsdottir, S. (1990). Values in Pedagogical Content Knowledge. Journal of teacher education, 41(3), 44-52.
- McEwan, H., & Bull, B. (1991). The Pedagogic Nature of Subject Matter Knowledge. American educational research journal, 28(2), 316-334.
- McKinny, J. (1980). Moral development and the concept of values. In M. Windmiller, N. Lambert, & E. Turiel (Eds.), Moral development and socialization (pp.201-218). Boston: Allyn & Bacon.
- Omrod, J. E. & Cole, D. B. (1996). Teaching Content Knowledge and Pedagogical Knowledge: A Model from Geographic Education. Journal of teacher education, 47(1), 37-42.
- Shulman, L. S. (1987). Knowledge and Teaching : Foundations of the New Reform. Harvard educational review, 57(1), 1-22.
- Sockett, H. T. (1987). Has Shulman Got the Strategy Right? Harvard educational review, 57(2), 208-219.
- Schon, D.A. (1987). Ch. Two: Teaching Artistry Through Reflection in-Action. In Educating the reflective practitioner. San Francisco: Jossey-Bass Publishers.
- Schwab, J. (1978). The practical: Arts of eclectic. In I. Westbury & N. Wilkof (Eds.), Science, curriculum, and liberal education (pp322-364). Chicago: University of Chicago Press.